

Mengkaji tahap pengetahuan dan penerimaan sistem perlindungan sosial dalam kalangan pesawah di kawasan pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

ABSTRAK

Pada masa ini, sistem perlindungan sosial merupakan suatu keperluan kepada mereka yang terlibat dalam semua sektor pekerjaan seperti pencen kepada pekerja Kerajaan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pekerja sektor swasta. Asas utama sistem ini adalah untuk memberikan perlindungan bagi mengatasi masalah kemiskinan, bantuan kewangan dan jaminan masa hadapan. Namun, tiada sistem perlindungan sosial berstruktur diperkenalkan kepada pekerja bagi sektor tidak formal di Malaysia seperti pesawah dan lain-lain. Kajian ini bertujuan mengkaji tahap pengetahuan dan penerimaan sistem perlindungan sosial dalam kalangan pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Kajian ini melibatkan seramai 573 responden meliputi 4 wilayah dalam kawasan MADA. Sebagai rumusan, kajian ini mengkaji tahap pengetahuan dan penerimaan pesawah terhadap sistem perlindungan sosial dalam komuniti mereka.

Kata kunci: Perlindungan sosial; Sektor tidak formal; Pesawah